



# Skrip Follow Up The Retain Plans


Skrip ini khas untuk follow up pelanggan baru untuk dapatkan repeat order. Fahamkan struktur dan seeloknya guna ayat yang anda biasa gunakan.

- 
1. Notifikasi order [1 minit]
  2. Update tracking [1 hari]
  3. Tanya produk dah sampai ke belum? [3 hari]
  4. Bagi video tutorial [1 hari]
  5. Tanya dah tengok video belum [1 hari]
  6. Apa hasil selepas seminggu [7 hari]
  7. Minta tinggalkan review [2 hari]
  8. Promotion day! [1 bulan]

## PELAN TINDAKAN



1	Tentukan tujuan anda follow up
2	Bagaimana nak sampai ke tujuan?
3	Apa tindakan yang kita nak mereka buat?
4	<b>Bonus:</b> Masukkan sela masa follow up



## Skrip: Pengesahan Tempahan

Skrip ini dihantar selepas pembelian disahkan.

Cadangan sela masa: Serta merta

<b>Ucapan Penghargaan</b>	Hai [nama pelanggan]! Terima kasih kerana membuat tempahan dari [Syarikat]!
<b>Perkenalkan Nama Anda</b>	Boleh panggil saya [Nama Penjual].
<b>Butiran Tempahan</b>	Mohon semak butiran tempahan anda.  Produk: [Nama produk] Order ID: [Nombor Order] Kuantiti: [Kuantiti Produk] Jumlah: [Harga]
<b>Status Penghantaran</b>	Order anda sedang diproses & dijangka sampai dalam masa 1-3 hari bekerja.
<b>CTA</b>	Kalau ada apa-apa soalan, boleh terus reply ya!

## Contoh

Hai Siti! Terima kasih kerana membuat tempahan dari Beauty X!

Boleh panggil saya Erin.

Mohon semak butiran tempahan anda.

Produk: Produk Contoh

Order ID: #123456

Kuantiti: 1

Jumlah: RM100

Order anda sedang diproses & dijangka sampai dalam masa 1-3 hari bekerja.

Kalau ada apa-apa soalan, boleh terus reply ya!

Hai Siti! Terima kasih sebab order dari Beauty X! Nama saya Erin. Ini details tempahan awak ya.

Produk: Produk Contoh

Order ID: #123456

Kuantiti: 1

Jumlah: RM100

Tempahan awak dalam proses & dijangka sampai dalam masa 1-3 hari bekerja.

Kalau ada apa-apa tanya, boleh reply je ya 🙌🙌

## Skrip: Kemaskini Penghantaran

Skrip ini digunakan untuk beritahu produk telah dihantar.

Cadangan sela masa: Hari yang sama produk dihantar

<b>Beritahu Anda Dah Hantar</b>	Hai [nama pelanggan]! Saya [Nama Penjual] dari [Syarikat]. Nak maklumkan, kami dah mula proses penghantaran ya.
<b>Cara untuk semak status</b>	Nombor tracking: 1234567 Boleh semak status penghantaran di sini [link tracking]
<b>Akhiri dengan bantuan</b>	Kalau ada apa-apa masalah, jangan segan untuk Whatsapp kami ya!

### Contoh

Hai Siti! Ini Erin dari Beauty X. Pesanan anda telah dihantar. No. Tracking: 1234567  
Semak di sini [link tracking]. Boleh reply Whatsapp jika ada masalah. Terima kasih 😊

Hai Siti! Saya Erin dari Beauty X. Produk yang anda beli telah dihantar. Ia mengambil masa 1 - 3 hari bekerja untuk sampai.

No. Tracking: 1234567  
Semak status penghantaran di sini: [link tracking]

Boleh reply Whatsapp ini kalau ada pertanyaan.

Terima kasih 😊

## Skrip: Produk Sampai dengan Baik

Skrip ini digunakan untuk memastikan produk sampai dalam keadaan baik & lengkap.

Cadangan sela masa: 3 - 5 hari selepas penghantaran

<b>Tanya Status Penghantaran</b>	Hai [nama pelanggan]. Barang yang cik order dari [Syarikat] haritu dah sampai?
<b>Pastikan pelanggan terima dalam keadaan baik</b>	So far, okay ke semua? Ke ada defect, dll masa posmen hantar
<b>Beritahu anda sentiasa anda untuk membantu</b>	Kalau ada apa-apa, bagi tau saya. Saya sedia membantu!

## Contoh

Hi Siti! Harap Krim Fiqa dah selamat sampai ke tangan you. Semua item ada ke?

Erin ada selitkan sekali panduan cara guna dalam bungkusan. Jangan lupa guna dengan konsisten okay!

Ada apa-apa masalah, boleh cerita dekat Erin 😊

Hi Siti! 🎉 Barang dah sampai ke? Semua item ada ke? Kalau ada apa-apa, bagi tau Erin tau. Saya sedia membantu!

Dalam bungkusan tu, ada panduan cara guna.

Kalau ada soalan, boleh reply Whatsapp ini ya. Moga ia serasi dengan awak. 🙌

Salam Siti! Sudah terima Krim Fiqa yg awak order? Harap semua dalam keadaan baik. Kalau ada defect atau masalah, bolehlah reply Whatsapp untuk bantuan.

Panduan cara guna semua ada dalam parcel kay. Harapnya berkesan 🙌 🙌

## Skrip: Cara Guna Produk

Skrip ini digunakan untuk memastikan pelanggan menggunakan produk dengan cara yang betul supaya dapat hasil yang diinginkan.

Cadangan sela masa: 3 hari selepas mesej sebelumnya

<b>Tanya dah mula guna produk</b>	Hai [nama pelanggan]! Dah start guna [produk]?
<b>Beritahu cara guna dengan betul</b>	Jangan lupa sapu setiap hari untuk hasil yang terbaik ya. Saya ada bagi caranya dalam bungkusan hari tu.
<b>Tip tambahan untuk hasil lebih pantas</b>	Tip tambahan: Untuk kesan lebih maksima, boleh tonton video yang saya rakam ini: [link url]
<b>Kalau ada soalan, boleh tanya kita</b>	Kalau ada yang konfius, boleh rojer. Saya cuba bantu.

### Contoh

Hai Siti! Dah mula guna Krim Fiqa? Jangan lupa sapu setiap hari untuk hasil terbaik. Caranya ada dalam parcel hari tu.

Tip tambahan untuk kesan lebih pantas 🙌

Saya ada rakam video untuk kongsi petuanya di sini: [link url]

Kalau ada apa-apa tak faham, boleh tanya Erin. Erin sedia membantu.

Hai Siti! Dah start guna Krim Fiqa? Pastikan sapu setiap hari untuk kesan terbaik. Tutorial video untuk panduan lebih detail boleh tengok sini: [Link URL]

Kalau ada pertanyaan, jangan segan tanya Erin. Saya ada di sini...

## Skrip: Minta Feedback Selepas Guna

Skrip ini digunakan untuk dapatkan ambil berat tentang kemajuan yang dilalui oleh pelanggan.

Cadangan sela masa: 7 hari selepas mesej sebelumnya

<b>Mulakan dengan bertanya</b>	Hi [Nama Pelanggan]! Ikutkan dah 7 hari awak guna [produk] kan?
<b>Harapan anda untuk lihat perubahan positif</b>	Harap-harapnya semakin baik.
<b>Kalau ada soalan, boleh tanya kita</b>	Kalau perlukan bantuan, sila reply ya

### Contoh

Hi [Nama Pelanggan]! Dah guna Krim Fiqa selama 7 hari. Ada nampak perubahan? Atau ada kesan sampingan?

Kalau perlukan bantuan, sila reply ya

Salam Siti! 🌟 Dah seminggu guna Krim Fiqa. Macamana progress ya? Harapnya ada perubahan positif pada kulit muka awak.

Kalau awak okay, boleh cerita & share gambar di sini ya. Erin tolong tengokkan & bagi cadangan tambahan.

Hi Siti! Bagaimana keadaan kulit selepas guna Krim Fiqa selama 7 hari? Ada nampak perubahan? Harap-harapnya semakin baik.

Kalau perlukan bantuan, just reply ya.

Boleh kongsi gambar semasa & ceritakan apa yang berlaku untuk Erin bantu 🙌

## Skrip: Minta Testimoni

Skrip ini digunakan disaat anda rasa pelanggan sudah menerima hasil yang mereka inginkan.

Cadangan sela masa: Bergantung kepada produk anda

<b>Beritahu dah ada orang lain berjaya</b>	Hai [nama pelanggan]. Ini testimoni dari pelanggan lain yang berjaya dengan [produk]. Gambar mereka pun ada
<b>Pelanggan pun boleh berjaya</b>	Seronokkan kalau kulit makin cantik tiap hari.
<b>Minta testimoni dari pelanggan</b>	Boleh ke ceritakan perubahan lepas guna krim ni? 😊 ☀️ 📷

### Contoh

Salam Siti! Ini testimoni dari pelanggan lain yang berjaya dengan Krim Fiqa. Gambar mereka pun ada. Erin pun teruja nak tahu perubahan dekat Siti juga.

Seronokkan kalau kulit makin cantik tiap hari kan.

Boleh ke ceritakan perubahan yg berlaku dekat awak lepas guna krim ni? 😊 ☀️ 📷

Dah pulih sepenuhnya atau masih dalam pemulihan lagi.

Memang menjadi Siti! Check out testimoni dari pengguna lain yang dah berjaya guna Krim Fiqa. Ini gambar transformasi mereka.

Majoriti mereka ikut tip yg Erin kongsi kan haritu.

Moga ia memberi inspirasi. Setiap masalah ada penyelesaian.

Kalau Siti macamana pula? Dah nampak perubahan positif lepas guna krim tu?



## Skrip: Repeat Order

Skrip ini digunakan dengan jangkaan produk anda telah hampir habis digunakan oleh pelanggan.

Cadangan sela masa: Bergantung pada jangka hayat produk

<b>Tanya adakah produk telah habis guna</b>	Hai [nama pelanggan]. [Produk] yang beli haritu dah habis pakai?
<b>Beritahu kita ada tawaran khas</b>	Kalau nak repeat order, kita ada kupon untuk pelanggan macam [nama pelanggan]
<b>Arahan tindakan untuk repeat order</b>	Berminat? Reply <b>saya nak kupon</b> sekarang ya

### Contoh

Hi Siti! Krim Fiqa dah habis guna? Ada promosi menarik hari ni tau - tebus kod kupon 20% diskaun sebelum 12 malam ini!

Kalau berminat, boleh reply **PROMOMAC24** sekarang ya! 🎉❤️

Nanti Erin bagi detailnya..

Assalamualaikum Siti! Dah habis ke Krim Fiqa tu? Kalau nak repeat order, boleh guna kod "**FIQAREPEAT20**" dekat borang tempahan untuk dapatkan offer free postage.

Ini tawaran khas untuk pelanggan sahaja.

Jimat RM10 kos penghantaran.

Cepat, tawaran ni sah untuk hari ini je tau! Kalau berminat, boleh dapatkan kat sini ya: [link url produk]